

Dedah maklumat

Pameran Pendidikan Facon turut buka peluang untuk golongan bekerja

>>Oleh Siti Nor Hidayatidayu Razali

idayu@hmetro.com.my

PAMERAN Pendidikan Facon kali ke-30 yang bermula pada 12 Mac ini di seluruh negara menjadi platform institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara mempamerkan maklumat peluang melanjutkan pelajaran kepada bukan saja lepasan sekolah, pelajar atau ibu bapa, malah mereka yang sudah bekerja.

Pelbagai institusi yang menawarkan kursus meliputi rekaan, teknologi maklumat, pengurusan perniagaan, perundangan, perubatan, komunikasi, kejuruteraan, perakaunan, sains tulen dan sains gunaan menyertai



BERPUSU-PUSU...orang ramai memenuhi ruang Pameran Pendidikan Facon, tahun lalu.

pameran itu.

Antaranya, Advance Tertiary College (ATC), APIIT/UCTI, Kolej Universiti Hospitaliti Berjaya, Kolej Asia Brickfield, Kolej IACT,

Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), Kolej Universiti INTI, KLMU, KLIUC, MAHSA, MSU, PTPL, Kolej Universiti Nilai, SEGi, Kolej

Universiti Sunway, Kolej Taylor, University Of Nottingham, The One Academy, The Otomotif College, UCSI University, UTAR, UM, UKM dan UTM.

Pengunjung juga berpeluang mendapat maklumat universiti di Australia, Perancis, India, Indonesia, Korea, Ukraine, United Kingdom, Russia dan Singapura.

Maklumat mengenai biasiswa dan borang permohonan juga boleh diperoleh di Pusat Pameran Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Bakal pemohon digalakkan membawa sijil peperiksaan dan dokumen berkaitan untuk mendapat penilaian tepat oleh kaunselor dan wakil IPT.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, layari www.faconex.com.